

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN NEGARA**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN N. SURENDRAN [PADANG SERAI]

TARIKH : 27 OKTOBER 2016

RUJUKAN : 9328

SOALAN :

Tuan N. Surendran [Padang Serai] minta **Menteri Dalam Negeri** menyatakan bilangan kanak-kanak berumur 1 hingga 18 tahun yang dilahirkan di Malaysia yang tidak mempunyai taraf kewarganegaraan Malaysia mengikut pecahan kaum.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah kanak-kanak berumur 1 hingga 18 tahun yang dilahirkan di Malaysia dan bertaraf bukan warganegara Malaysia adalah sebanyak 290,437 orang. Maklumat kelahiran warga asing di Malaysia tidak direkodkan mengikut kaum tetapi berpandukan negara asal ibu bapa. Dalam hal ini, 3 negara asal tertinggi adalah Indonesia, Filipina dan Myanmar.